

06/04/1997

Pas iktiraf pimpinan Mahathir

Mohamed Sahidi Yusof

JELI: Kerajaan Pas Kelantan kini mengiktiraf Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tokoh pejuang yang menaikkan imej dan martabat Islam sejak hampir 16 tahun lalu.

Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT), Datuk Mustapa Mohamed, berkata sejak akhir-akhir ini kebanyakan kenyataan pemimpin Pas sudah berubah daripada sikap suka menghentam Perdana Menteri kepada sikap yang lebih sederhana.

Malah, katanya, akhbar lidah rasmi Pas sendiri, iaitu Harakah dalam satu keluarannya memuatkan berita mengalu-alukan lawatan Perdana Menteri ke negeri itu kelmarin sebagai berita utamanya.

"Sebelum ini, perkara seperti itu tidak pernah berlaku dan ini mencerminkan Pas mengiktiraf Dr Mahathir sebagai seorang negarawan yang disegani di peringkat nasional dan antarabangsa, khususnya dalam menaikkan imej dan martabat Islam.

"Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan kejayaan Perdana Menteri menerima anugerah antarabangsa Raja Faisal oleh kerajaan Arab Saudi baru-baru ini," katanya selepas majlis sembahyang hajat dan doa selamat sempena menduduki kediaman barunya di sini, semalam.

Mustapa berkata, diakui atau tidak hakikat itu membuktikan bahawa semua lapisan rakyat boleh berbangga dengan kegigihan Perdana Menteri mengangkat martabat agama, bangsa dan negara.

Katanya, kelantangan beliau membolehkan suara negara Islam didengari terutama dalam isu seperti Bosnia-Herzegovina, Palestin dan negara lain yang sedang bergolak.

"Kerajaan sejak di bawah pimpinan beliau banyak melaksanakan program Islam yang mendatangkan faedah kepada dunia sejagat," katanya.

Sehubungan itu, rakyat negara ini wajar mengiktiraf dan bangga mempunyai seorang pemimpin seperti beliau.

"Janganlah kerana berlainan fahaman politik masing-masing enggan mengiktiraf kejayaan Perdana Menteri," katanya.

(END)